BE STILL DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.

A SUGGESTED HYMN: THE GREATEST THING

1 The Greatest Thing In All My Life
Is Knowing You;
The Greatest Thing In All My Life
Is Knowing You.
I Want To Know You More,
I Want To Know You More.
The Greatest Thing In All My Life
Is Knowing You.

2 The Greatest Thing In All My Life
Is Loving You;
The Greatest Thing In All My Life
Is Loving You.
I Want To Love You More,
I Want To Love You More.
The Greatest Thing In All My Life
Is Loving You.

3 The Greatest Thing In All My Life
Is Serving You;
The Greatest Thing In All My Life
Is Serving You.
I Want To Serve You More,
I Want To Serve You More.
The Greatest Thing In All My Life
Is Serving You.

Link: <https://youtu.be/FsqxqJYklxs>

PANDUAN DOA MINGGUAN



Ini Hari Yang Dijadikan Oleh Tuhan

"Ini hari yang dijadikan oleh Tuhan; kita akan bergembira dan bersukacita kerananya. Selamatkanlah sekarang, aku berdoa, ya Tuhan; Ya Tuhan, aku berdoa, hantarlah kemakmuran." — Mazmur 118:24-25 AVB

Kita bersyukur kerana sekatan merentas negeri dan perhimpunan telah dilonggarkan memandangkan Pelan Pemulihan Negara terus maju ke arah pemulihian. Selama 571 hari ini di mana kita terpaksa melalui "pembuangan secara paksaan", sementara kita meratap, *"Betapa mungkin kami nyanyikan lagu Tuhan di tanah asing?"* Mazmur 137:4 AVB Kita seakan-akan berada di "tebing sungai Babel" sementara meratap situasi yang merangkumi pengangguran, penutupan sekolah, serta kelembapan ekonomi dan pergolakan politik. Gereja-gereja berusaha menganjurkan ibadahraya dalam talian dan terpaksa berhadapan dengan realiti di mana jurang digital di antara kawasan pedalaman serta bandar amat luas, termasuk golongan yang berusia dan muda, serta kebolehan gereja besar dan kecil.

Namun, sewaktu kita fikirkan sedemikian, Tuhan Allah kita telah memberkati umat-Nya (Yeremia 29:5-14), sewaktu kita menaburkan benih di "kebun dalam talian" serta menghasilkan "buah digital", dan tetap setia menyembah Allah kita, menjadi saksi kepada dunia yang mengalami kesengsaraan dan sedang mencari Allah di tengah-tengah pandemik. Umat Allah tidak dapat dikekang.

Gereja sekarang dibenarkan membuka pintu mereka sekali lagi untuk perhimpunan kecil kepada mereka yang telah menerima vaksin lengkap. Ramai pemimpin gereja dan gembala sedang membuat persiapan protokol untuk menerima domba-domba mereka kembali. Namun demikian, terdapat golongan yang masih teragu-ragu untuk mengambil langkah yang seterusnya kerana risiko jangkitan masih ada. Peralihan ke fasa endemik hanya semata-mata ungkapan sahaja dan tidak memberi apa-apa kepastian sedangkan ribuan jangkitan masih berlaku dan ramai yang meninggal.

Yang pasti adalah, Gereja harus tetap maju. Di barisan hadapan, kita harus sentiasa sedia untuk membawa penyembuhan, harapan, dan Shalom. Sedangkan kita membuat persiapan untuk "kembali ke Yerusalem", dan kita menerokai disiplin baru yang mungkin diperlukan untuk musim baru ini, kita bersukacita bahawa Allah akan mengerjakan perkara yang baru di kalangan kita. Walaupun ada yang memilih untuk "berada di tempat pembuangan", semoga terdapat golongan yang sedia untuk kembali dan membina. Kerana ini hari yang Tuhan jadikan, kita akan bergembira dan bersukacita!

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula pada Mac 18, 2020. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkkan umat Allah untuk terus berdoa tanpa henti, dalam kesyukuran dan doa syafaat, agar Kerajaan Allah ditubuhkan dan kehendak-Nya dilaksanakan pada waktu yang susah.

Anda dijemput untuk **P-R-A-Y**, iaitu, ***Pause*** (Berhenti sejenak) dan berdiam, ***Rejoice*** (Bersukacita) dengan Mazmur dan ***Reflect*** (Merenung) atas Alkitab. ***Ask*** (Minta) dalam doa syafaat agar Allah bekerja, dan ***Yield*** (Serahkan) kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.

FOKUS BULANINI

Pandemik Covid-19

Doakan penularan virus dan varian baru akan berhenti

Menemui Kristus

Doakan 5 orang untuk bertemu dengan Kristus, dan semoga kita berani menjadi pengutus Berita Baik Yesus Kristus.

Berhenti untuk Memuji 7 kali Sehari

Menetapkan penggera kita dan mendisiplinkan diri untuk berhenti serta memuji Dia 7 kali sehari sehingga ia menjadi satu tabiat

PAUSE BERDIAM, Diamkan diri secara sengaja - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus.

BACA DAN RENUNGKAN Mazmur 118

DOA PERTAUBATAN

Bapa Syurgawi, sebagai “para imam raja” Engkau yang berdiri di celah untuk Gereja-Mu serta bangsa, kami menghadap Engkau dengan hati yang bertaubat kerana menjadi saksi Injil yang tidak berkesan, di mana seringkali kami seperti “benih yang ditabur di semak duri” – yang mengalami kerunsungan hal-ehwal duniaawi, ampunilah kami kerana terlalu mementingkan diri sendiri, sehingga kami menjadi saksi yang tidak berwibawa di tengah-tengah komuniti pada waktu pandemik ini.

Ampuni kami kerana tidak hidup secara kudus dan tulus sepetimana yang Engkau tunjukkan, supaya kehidupan kami berbeza daripada kehidupan duniawi sepanjang pandemik. Kami tidak mentaati Imamat Agung untuk memuridkan semua bangsa oleh kerana ketakutan serta kekurangan belas kasihan untuk mereka yang sesat dan menderita. Seringkali kami menyembunyikan diri sedangkan kami sepatutnya melayani mereka yang menderita dan sengsara. Bagaimanakah kami boleh memuridkan orang lain jika kami sendiri tidak mengamalkan corak kehidupan sebagai murid Yesus yang setia – dan tidak mencontohi kasih-Mu? Kami bersalah kerana berkongsi tentang kasih kurnia murah yang menyebabkan umat gereja bongkak. Ampunilah kami kerana tidak menyangkal diri dan memikul salib sendiri untuk mengikuti-Mu [Mat. 16:24]. Sewaktu kami doakan doa pertaubatan ini, kami juga ingin menyeru kepada-Mu, ya Tuhan, agar Engkau campur tangan dengan belas kasihan-Mu yang besar agar yang lain tidak akan tersungkur oleh kerana kemunafikan dan percanggahan kami.

Tuhan, Engkau menyatakan bahawa hanya mereka yang mempunyai tangan yang kudus dan hati yang suci boleh mendekati-Mu di gunung suci-Mu. Dan jika kami mengakui dosa kami, Engkau setia berlaku adil dan menyucikan kami daripada segala kesalahan. Jadi kami minta di dalam nama Yesus Kristus yang kami kasih, agar Engkau memberi kami hati yang baru, hati suci yang setia kepada-Mu, yang saling mengasihi, dan sudi merendahkan diri untuk melayani orang lain serta hidup yang mencerminkan Yesus, menyangkal diri untuk memikul salib peribadi sambil mengikuti Tuhan Yesus kami. AMIN.

REJOICE PENYEMBAHAN

PUJIAN DAN KESYUKURAN

Kami memuji-Mu, Tuhan, kerana hanya Engkau yang baik dan tiada yang mustahil bagi-Mu! Kasih setia-Mu kekal selama-lamanya! Ya Tuhan, di tengah-tengah kesusahan hati, sewaktu kami berseru kepada-Mu untuk menyelamatkan kami dari pandemik ini, hadirat-Mu sentiasa menyertai kami. Sewaktu Engkau berada di sisi kami, kami tidak akan takut. Apa yang manusia dapat memperlakukan kami?

Engkaulah Batu Pejal dan Pertolongan kami, dan kami melihat ke arah-Mu untuk kemenangan. Terima kasih kerana mengingati kami bahawa ia jauh lebih bagus untuk berteduh di bawah naungan-Mu daripada mempercayai manusia ataupun dalam ahli politik, terutamanya pada waktu ini di mana pergolakan politik berlaku. Di mana juga Engkau meletakkan kami di dalam “waktu pembuangan” ini, kami berdoa agar Engkau menyertai kami, sedangkan kami doakan kebijakan perkampungan dan bangsa ini. Engkau telah melindungi kami di bawah sayap-Mu, dan memelihara kami selama 19 bulan ini. Ya, Tuhan, inilah perbuatan-Mu dan kami berterima kasih kepada-Mu. Inilah hari yang dijadikan Tuhan, dan kita akan bergembira dan bersukacita!

Tuhan, mata kami terus tertuju kepada-Mu untuk menyelamatkan kami daripada wabak ini dan tetap berdoa agar Engkau memberi kami kemenangan. Kami berdoa agar kami menjadi tangan dan kaki Engkau kepada mereka yang memerlukan bantuan. Kami berdoa untuk kaki yang indah yang akan membawa Injil Engkau kepada semua bangsa. Kami memuji-Mu dan menyembah-Mu di dalam nama Yesus. AMIN.

ASK BERMINTA Pakailah perkataan sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – **dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan (Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini).**

“Ini hari yang dijadikan oleh Tuhan; kita akan bergembira dan bersukacita kerananya.

Selamatkanlah sekarang, aku berdoa, ya Tuhan; Ya Tuhan, aku berdoa, hantarlah kemakmuran.

Mazmur 118:24-25 AVB



LAGU CADANGAN: MASUK HADIRATMU TUHAN

Masuk hadiratMu Tuhan
Dengan korban pujian
Masuk hadiratMu Tuhan
Berhiaskan kekudusan

Dihadapan hadiratMu Tuhan
Kurasakan kedamaian
Dihadapan hadiratMu Tuhan
Kunampak keagungan

Yesus kusembah Kau
Sujud dihadapanMu
Keinginan dalam hidupku
Hanya untuk menyembahMu

Pautan:
<https://www.youtube.com/watch?v=cqdpJnFhbvI>

DOA SYAFAAT

1. PENYELAMATAN DARIPADA PANDEMIK

- a. Doa 100-Hari untuk Pentadbiran Kementerian Kesihatan terbaru.** Kita terus berdoa usaha mengawal epidemik Covid-19 akan berjaya. Doakan kebijaksanaan dan keberhasilan untuk Menteri Kesihatan sewaktu beliau mengendalikan ketetapan baru realistik dan berkesan yang selaras dengan dasar-dasar dan prinsip-prinsip yang sedia ada. Doakan reformasi untuk sistem kesihatan awam Malaysia di dalam Rancangan Malaysia ke-12, agar sistem kesihatan awam dapat menerima peruntukan perbelanjaan yang sewajarnya di dalam Belanjawan 2022;
- b. Kebijaksanaan melaksanakan peralihan ke tahap endemik.** Memandangkan terdapat perlonggaran dalam hal-ehwal merentas negeri dan keluar negara, doakan kebijaksanaan dan kewaspadaan kerana ancaman gelombang jangkitan yang baru masih ada. Doakan negeri Sabah di mana hanya 65% daripada populasi dewasa di sana telah menerima vaksin yang lengkap, agar program pemvaksinan di sana akan dipercepatkan secara berkesan supaya penduduk di Sabah akan dilindungi daripada cetusan jangkitan yang mendadak sebelum Sabah membuka semula semua sektor ekonominya;
- c. Pemantauan dan Kewaspadaan di Kalangan Remaja.** Kita doakan perlindungan Tuhan atas golongan muda berusia 12-17 tahun yang akan menerima vaksin. Kita berterima kasih kerana 9% telah menerima vaksin yang lengkap manakala 65% daripada mereka telah menerima satu dos. Doakan agar pihak berkuasa akan terus berwaspada dan memantau situasi dengan sebaik-baiknya, agar tiada kesulitan yang berlaku daripada usaha pemvaksinan golongan belia. Memandangkan sekolah-sekolah akan terbuka secara berperingkat, doakan para pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STPM. Doakan agar ibubapa akan berwaspada untuk melindungi anak-anak mereka dan memastikan bahawa mereka menerima vaksin. Doakan agar semua guru akan menerima vaksin juga;
- d. Mengutamakan Kemudahan Perubatan Untuk Penyakit-Penyakit Yang Tidak Berjangkit.** Memandangkan jumlah penggunaan katil dan ICU semakin menurun, doa agar kes-kes bukan Covid akan dikendalikan secepat mungkin, terutamanya mereka yang terpaksa menangguhkan pembedahan selama ini. Doakan agar belas kasihan Allah akan mengurapi mereka yang mengalami kesengsaraan selama ini, agar mereka menerima rawatan yang sewajarnya secepat mungkin memandangkan sistem kesihatan tidak perlu lagi merawat kes Covid sahaja;
- e. Keadilan dalam pengagihan vaksin kepada golongan yang terjejas.** Doa agar pihak berkuasa akan memastikan bahawa semua golongan yang terjejas akan tetap menerima vaksin, termasuk pekerja asing, dan pelarian yang tidak sah yang tinggal di dalam keadaan yang sesak. Doakan mereka yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang yang tidak mampu dikuarantinkan ataupun terlantar di hospital untuk jangk masa yang panjang kerana ini akan menjelaskan periuk nasi mereka, agar mereka akan menerima sokongan yang sewajarnya;
- f. Pemulihan sektor pekerjaan dan perniagaan.** Marilah kita berdoa agar kadar pengangguran akan menurun, dan sektor perniagaan akan pulih. Doakan sokongan komuniti, dorongan, kemurahan hati, dan ketabahan untuk mereka yang memerlukannya;

2. PEMULIHAN NEGARA

- a. Persidangan Parlimen.** Persidangan Parlimen yang berlangsung dari 13 September 2021 ke 12 October 2021 (17 hari) baru tamat. Doakan usul-usul Rancangan Malaysia ke-12 yang telah dikemukakan, agar terdapat penggunaan kewangan dan sumber-sumber yang sedia ada secara adil merangkumi semua sektor kritikal, demi kebajikan Rakyat. Doakan matlamat yang munasabah dapat dicapai, serta semua rancangan akan dilaksanakan dengan amanah tanpa sebarang penyelewengan wang;

Doakan persidangan Parlimen yang kedua yang akan berlangsung dari 25 Oktober 2021 ke 16 Disember 2021 selama 32 hari, di mana Belanjawan 2022 akan dibentangkan. Doakan kebijaksanaan untuk Kementerian Kewangan kita agar beliau mengemukakan pelan pemulihan ekonomi sambil menimbangkan keadaan ekonomi negara kita yang agak lemah. Kita berterima kasih untuk harga minyak kelapa sawit serta minyak mentah yang semakin tinggi, di mana petani-petani kecil mengaut keuntungan yang lebih tinggi, dan juga bagi PETRONAS dan kerajaan. Doakan agar Allah menyelamatkan kita daripada krisis ekonomi serta tekanan inflasi yang akan menjelaskan harga barang keperluan asas.

Doakan agar Allah akan menunjukkan belas kasihan-Nya kepada Malaysia dan menyelamatkan kita daripada kesusahan yang melandai kita oleh kerana gara-gara pentadbiran lama;

- b. Pentadbiran Kerajaan baru dan Kabinet baru di Malaysia untuk berjaya dalam 100 hari pertama.** Kita doakan berkat atas pentadbiran baru yang diketuai Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri serta Kabinet baru beliau. Doakan agar mereka akan berjaya memenuhi tanggungjawab mereka dengan cekap dan amanah, dan segala usaha mereka akan berhasil. Marilah kita berdoa kepada Allah untuk menunjukkan belas kasihan dan rahmat atas negara kita, serta kebijaksanaan untuk Kabinet baru agar kedamaian terus dipelihara, serta kehendak Allah dan kerajaan-Nya akan terjadi di Malaysia;
- c. Penyucian suasana rohani sedangkan ahli politik membuat persiapan untuk PRU15.** Mari kita setia berdoa untuk menyucikan suasana rohani di Malaysia dalam nama Yesus yang berkuasa, kerana Dia adalah "matahari yang penuh perbenaran akan terbit dengan membawa kesembuhan pada sayapnya." Hanya Dia yang boleh mengatasi kuasa-kuasa jahat dan membawa terang, harapan dan kesejahteraan SHALOM kepada Malaysia [Kolose 2:15]. Nyatakan kemenangan atas setiap rancangan politik yang jahat dan memecah-belahkan keharmonian negara ini, agar kesemua ini akan terbongkar dan dihapuskan. Doakan agar kuasa-kuasa jahat akan berlari lintang-pukang di dalam nama Yesus yang berkuasa. Doakan agar kemenangan akan mengatasi golongan yang rakus akan kuasa dan kekayaan, termasuk mereka yang tamak kuasa dan ingin melepaskan diri daripada hukuman mahkamah melalui pelbagai cara yang haram. Marilah kita terus tekun berdoa agar kuasa Kristus akan menghancurkan kuasa jahat di merata tempat, di kampung mahupun di bandar, serta menumbangkan sumber kuasa kebencian dan kejahatan di Malaysia;
- d. Mengatasi gejala rasuah dan politik kewangan sebelum PRU15 diadakan.** Memandangkan negara kita semakin menghampiri Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), doakan keamanan untuk menyelubungi Malaysia, oleh sebab barangkali terdapat ahli politik yang sedang merancang untuk menjaga kepentingan peribadi pada PRU yang akan datang. Doakan agar Allah akan membangkitkan generasi pemimpin yang baru, calon-calon yang beramanah serta bijaksana, dan melayan rakyat dengan penuh keikhlasan. Doakan budaya politik yang matang, yang menghargai ciri-ciri menghormati pandangan yang berbeza serta semangat yang terbuka, agar semua pihak akan bekerjasama untuk kesejahteraan Malaysia dan bukan semata-mata untuk merebut kuasa ataupun mengutamakan kepentingan diri sendiri, agar kita dapat menjadi sebuah negara yang cemerlang dan bukan pentadbiran yang gagal;
- e. Keber tanggungjawaban dan pentadbiran urus baik.** Marilah kita doakan transformasi nilai-nilai etika serta perubahan budaya bangsa untuk memperoleh suasana baru yang diterajui nilai-nilai kebenaran, kemuliaan, dan kecermelangan dari pucuk pemimpin ke semua penjawat awam. Doakan penghancuran kuasa roh rasis, eksploitasi, sikap acuh tak acuh yang sudah sistemik, dan sikap yang tidak baik yang sedang memudaratkan setiap lapisan pentadbiran serta institusi awam, serta mengurangkan daya produktiviti negara yang akhirnya menjadi salah satu sebab ramai orang yang mencari peluang untuk berhijrah ke negara lain yang menerima dan menghargai sumbangan mereka. Doakan untuk perubahan di dalam nilai-nilai etika dan budaya negara kita agar kita dapat mencapai tahap kecemerlangan sekali lagi supaya negara kita tidak terus merosot. Doakan semangat keberanian yang berterusan serta penghiburan untuk mereka yang menghadap penganiayaan dan ancaman oleh kerana bersuara menentang gejala rasuah;
- f. Perlindungan atas Kementerian Pendidikan daripada digunakan sebagai alat ideologi dan politik.** Terus doakan bahawa pembaharuan akan berlaku di dalam sistem pendidikan Malaysia. Doakan agar Malaysia akan mempunyai guru-guru yang cekap dalam hal-ehwal mengajar serta bermoral, patriotik, dan berdedikasi di dalam panggilan ini untuk membina bangsa dan negara. Doakan agar guru-guru akan dipilih mengikut kebolehan masing-masing, dan bukan kerana agama dan bangsa mereka. Doakan agar Kementerian Pendidikan akan menumpukan perhatian untuk melatih guru-guru yang berbakat daripada generasi pelapis, dan tidak menyalahgunakan kuasa mereka untuk memajukan agenda ideologi dan politik;
- g. Penganiayaan pelarian dan pendatang asing.** Dengan penuh rendah hati, kita bertaubat dan meminta ampun daripada Allah, sedangkan kita berdoa dan mempertahankan hak golongan yang teraniaya dan tertindas. Marilah kita terus berdoa agar kerajaan Malaysia akan berusaha menghapuskan gejala rasuah di kalangan penguatkuasa seperti imigresen, tentera, dan polis, yang bersalah kerana berganding bahu dengan para penjenayah dalam hal perdagangan manusia. Doakan agar Allah akan bercampur tangan untuk menghancurkan aktiviti jenayah ini. Doakan untuk sektor pertanian, perkilangan, dan perniagaan

agar mereka akan melayan pekerja mereka dengan sewajarnya dan baik. Kita doakan perlindungan, kebenaran, dan keadilan untuk NGO-NGO dan aktivis seperti **Heidy Quah**. Doakan agar terdapat kemajuan di dalam cara kita melayan pekerja di dalam sektor pertanian dan perkilangan sarung tangan agar Malaysia tidak lagi digelar sebagai pusat perdagangan manusia.

- h. Perlindungan atas perkahwinan dan institusi keluarga, dan kanak-kanak yang menjadi yatim piatu oleh kerana Covid-19.** Marilah kita serahkan institusi keluarga kepada Allah dalam doa, kerana telah dilaporkan bahawa sepanjang PKP, 6 penceraian berlaku setiap jam. Doakan terutamanya untuk kanak-kanak yang terkesan di dalam setiap penceraian sepertimana yang dilaporkan Perdana Menteri baru-baru ini. Kerajaan telah melaporkan bahawa 4,696 kanak-kanak telah menjadi yatim piatu kerana kehilangan satu ataupun kedua-dua ibubapa mereka kepada penyakit Covid-19, serta langkah-langkah seterusnya sedang diambil untuk menempatkan mereka di rumah kebajikan. Doakan agar Allah akan menunjukkan mereka belas kasihan, agar mereka tidak akan ditempatkan di rumah yatim piatu yang sesak, tetapi keluarga angkat akan tampil memberi suasana yang selamat dan penuh kasih untuk membesarlu kanak-kanak tersebut. Doakan agar mereka menerima sokongan dan penjagaan yang sewajarnya;
- i. Penjagaan untuk mereka yang mengalami cabaran kesihatan mental.** Dukung dalam doa mereka yang mengalami kemurungan, bersendirian, resah, dan putus asa. Doakan kawan-kawan yang dapat memberi sokongan serta menunjukkan belas kasihan untuk mereka, memandangkan berita melaporkan bahawa 4 kes bunuh diri berlaku secara purata setiap hari, dan ini menunjukkan bahawa kita harus lebih tekun berdoa untuk mereka yang berada dalam kesusahan. Doakan juga kebijaksanaan untuk usul Parlimen yang dibentangkan supaya kes bunuh diri tidak dikira sebagai satu jenayah;
- j. Menghentikan aktiviti jenayah atas pendedahan data peribadi.** Mari kita berdoa agar penjenayah siber dan kuncu-kuncu mereka yang terlibat di dalam kes pendedahan data peribadi baru-baru ini akan diberkas dan dihukum dengan sewajarnya;
- k. Pergolakan politik di Melaka untuk diselesaikan dengan aman.** Doakan agar krisis politik di Melaka akan diselesaikan dengan aman selepas Ketua Menteri Melaka kehilangan majoriti beliau di Dewan Perundangan Negeri. Saga terkini ini membuktikan bahawa pergolakan politik masih belum tamat walaupun kerajaan persekutuan telah ditubuhkan pada bulan Ogos. Doakan agar pilihanraya negeri yang bakal berlaku tidak akan mencetuskan gelombang jangkitan Covid-19 yang baru sepertimana pilihanraya negeri Sabah menjadi pemangkin gelombang ketiga untuk Malaysia, di mana semua rakyat terpaksa mengharungi *lockdown* berulang kali. Doakan kebijaksanaan untuk Agong kita serta kerajaan persekutuan jika mereka perlu mengisyiharkan darurat atas Melaka dan melantik kerajaan negeri sementara sehingga situasi lebih selamat untuk menjalankan pilihanraya negeri.

3. GEREJA

- a. Menjadi saksi melalui perpaduan kita dan kasih sesama sendiri.** Doakan agar gereja akan menjadi "terang dan garam Yesus" melalui kesaksian perpaduan kita dalam Roh dan kasih sesama sendiri. Doa untuk kerendahan hati yang tulus dan ikhlas, kebaikan, perbuatan baik, dan penampilan yang lemah-lembut sesama sendiri;
- b. Melangkah dalam iman dan melayani masyarakat.** Doa agar kita tidak berasa takut akan dijangkiti Covid-19, tetapi tampil ke depan dalam iman, keberanian, dan kebijaksanaan untuk membawa harapan sewaktu melayani masyarakat dengan penuh belas kasihan selama terdapat rakyat yang memerlukan bantuan. Doakan agar umat Kristian akan mencontohi tokoh iman pada zaman gereja awal, di mana mereka melayani masyarakat dengan penuh kasih untuk mereka yang ditimpa wabak dahulu;
- c. Membawa kedamaian dan penyembuhan di tengah-tengah pandemik.** Kita bersyukur kepada Allah untuk mereka yang terlibat dalam pengagihan makanan percuma kepada golongan yang memerlukannya. Marilah kita tekun berdoa untuk inisiatif baru seperti Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah yang dioperasi CREST Malaysia untuk menolong golongan B40 di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Marilah kita berdoa untuk sokongan rohani dan secara praktikal untuk memenuhi keperluan tersebut. Doakan untuk gereja menjangkau jiwa-jiwa di sekeliling, terutamanya golongan yang terkesan dari segi pendapatan serta kanak-kanak yang telah kehilangan ibubapa mereka;
- d. Persiapan gereja dalam pelayanan selepas pandemik berakhir.** Doakan kebijaksanaan di kalangan pemimpin dan pekerja gereja agar mereka diberi hikmat dan kebijaksanaan supaya bersedia memenuhi

keperluan rohani apabila pandemik ini berakhir – dalam hal pengembalaan, pelayanan misi, dan pelaksanaannya. Doakan agar mereka akan bersedia menghadapi kesan daripada kemudahan digital yang mungkin menyebabkan penurunan jumlah jemaat di ibadahraya fizikal kerana mereka lebih selesa menyertai dari rumah masing-masing. Doakan kebijaksanaan untuk membina persekutuan yang erat sebagai umat Allah walaupun terpaksa mengamalkan penjarakan sosial;

- e. Kebajikan lapisan pemimpin gereja.** Dukung pastor-pastor, paderi, gembala, dan pekerja gereja dalam doa – terutamanya mereka yang mudah dijangkiti Covid-19 oleh kerana pelayanan mereka. Doakan agar domba-domba akan menunjukkan kasih dan menjaga kebijikan gembala mereka dalam mengurangkan peluang jangkitan. Doakan agar pemimpin gereja akan bijaksana menjaga diri sendiri serta keluarga masing-masing, sedangkan lebih ramai antara mereka dijangkiti, dan ada juga yang sudah meninggal, kerana mereka amat penting untuk memajukan kerajaan Allah. Kita memerlukan mereka menjaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri, sepetimana kita berdoa untuk hidup di dalam situasi endemik. Marilah kita menyeru kepada Allah untuk memelihara mereka yang melayan di barisan hadapan dengan kasih dan perlindungan-Nya. Marilah kita juga menunjukkan “pekerja baris hadapan” kita kasih, penghargaan, dan dorongan melalui pelbagai cara yang praktikal.

4. DOA UNTUK MEREKA YANG SESAT

- a. Doa-untuk-5.** Doakan 5 orang setiap hari, termasuk keluarga dan rakan-rakan, agar mereka mengenali Yesus Kristus dan kasih-Nya dan menerima penyelamatan. Tuliskan nama dan doakan mereka setiap hari tanpa berputus asa;
- b. Kasih dan belas kasihan.** Doa supaya kita mempunyai kasih dan belas kasihan untuk mereka yang sesat. Semoga kita peka terhadap peluang untuk mendoakan orang yang tidak dikenali, bernubuat, dan membawa pemulihan serta kesembuhan, agar mereka sedar bahawa ini perjumpaan yang luarbiasa, dan mereka akan secara sukacita menerima penyelamatan setelah mendengar Berita Baik;
- c. Peluang untuk berkongsi.** Doakan agar Roh Kudus memberi anda peluang untuk menyebarkan Injil kepada sesiapa yang bersedia menerimanya di tengah-tengah pandemik ini; agar kita tidak akan malu oleh kerana Kristus, tetapi bersedia untuk mengisyiharkan Dia pada setiap waktu, dan dipakai sebagai bejana Allah untuk memberkati ramai orang, kerana alangkah indahnya melihat kaki mereka yang membawa Berita Baik! Mintalah kekuatan dan keberanian daripada Allah dalam melakukan demikian walaupun kita tidak berasa selesa;
- d. Berhadapan dengan Urusan yang belum selesai.** Sebagai murid Kristus, Tuhan Yesus Kristus kita telah memberi kepada kita amanat-Nya agar kita menjadi saksi-Nya ke seluruh dunia, dan telah memperkasakan kita dengan Roh Kudus-Nya pada Hari Pentakosta untuk melengkapkan urusan ini. Pada hari ini, marilah kita berdoa agar Dia akan memnberi kita semangat baru yang berkobar-kobar untuk memenuhi Amanat Agung kerana urusan kita masih belum selesai walaupun berada di tengah-tengah pandemic; semoga Tuhan kita “menjamah kita sekali lagi sebagaimana Dia melakukan sedemikian di dalam bilik doa pertama di Yerusalem, mendorong kita untuk keluar dan kongsikan Berita Baik dengan semangat yang baru”. Kita ingin taati kehendak Allah di mana Dia telah berfirman, *“Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa bagi semua bangsa”* [Markus 11:17], agar hati kita membara sekali lagi untuk menyampaikan Berita Baik – “hingga ke akhir zaman”.

5. GEREJA YANG TERANIAYA – PAKISTAN

- a.** Mengikut senarai World Watch 2021 dari Open Doors, Pakistan berada di tangga kelima sebagai negara yang paling teruk menganiayai umat Kristian. Doakan agar kejahatan ini akan dilumpuhkan, agar Allah memberi kedamaian-Nya yang luar biasa kepada mereka yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin dan mentadbir, agar semua rakyat dapat hidup dalam kesejahteraan. Doakan keberanian, kebijaksanaan, dan kekuatan, untuk mengetahui bilakah mereka boleh kongsikan



Berdoa-untuk-5



iman mereka serta memberi mereka kata-kata yang tepat pada waktunya. Doakan agar gereja dapat dipelihara daripada serangan pengganas. Doakan agar Injil dapat berkembang walaupun di tengah-tengah situasi yang mencabar, kerana kita percaya bahawa Allah sedang bekerja dan akan memuliakan Nama-Nya.

- b. Doakan perlindungan atas wanita dan kanak-kanak perempuan daripada diculik dan memasuki perkahwinan secara paksaan. Doakan agar mereka dapat mencari kedamaian dan penghiburan di dalam Tuhan, serta kebijaksanaan untuk hidup untuk Kristus walaupun berada di dalam situasi yang mencabar.

6. DOA SPONTAN

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebankan hati anda sekarang.

YIELD MENYERAH DIRI

Marilah kita dengan sepenuh hati serahkan kehidupan kita kepada kehendak Bapa Syurgawi, agar di mana kita ditempatkan, kita akan menjadi berkat kepada setiap jiwa.

DOA PENUTUP MENYATAKAN DATANGNYA KERAJAAN-NYA – DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13^{AVB}*

“Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.”

NYATAKAN *Mazmur 103:13-18^{AVB}* BERSAMA-SAMA

“Sebagaimana bapa mengasihani anak-anak, demikianlah Tuhan mengasihani orang yang takut kepada-Nya; kerana Dia tahu bagaimana kita dibentuk, Dia ingat bahawa kita ialah debu. Hidup manusia seperti rumput, seperti bunga di padang, begitulah dia berkembang; angin meniupnya, maka tiadalah dia lagi, dan tempatnya dahulu tidak mengingatinya. Tetapi kasih Tuhan dari selama-lamanya sampai selama-lamanya bagi mereka yang takut kepada-Nya, dan perbenaran-Nya sampai anak cucu, kepada mereka yang mematuhi perjanjian-Nya dan kepada mereka yang mengingati ajaran-ajaran-Nya.”

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

CADANGAN LAGU PENUTUP: ANUGERAH TERBESAR

Cinta kasih terbesar
Itu yang Kau nyatakan
Saat ku jauh, Kau mendekat
Kau panggilku sahabat

Anugerah yang terbesar
Itu yang Kau berikan
Saat ku jatuh,
Kau mengangkat
Kau pandang ku berharga

Engkau menerima, diriku
sepenuhnya
Tiada Engkau pinta,
Apa yang tak kupunya
Perkara terindah,
bagiku ya Bapa
Engkau mengasihiku,
s'bagaimana ku ada

Pautan:
<https://www.youtube.com/watch?v=e2jHtcuXzw>